

02/04/2001

Kementerian tunggu arahan laksana projek prasarana

SUNGAI SIPUT, Ahad - Kementerian Kerja Raya masih menunggu arahan Kementerian Kewangan berhubung pelaksanaan projek prasarana dan kemudahan baru, selaras belanjawan tambahan RM3 bilion yang diumumkan kerajaan minggu lalu.

Menterinya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kementerian akan menerima maklumat lengkap mengenai perkara itu tidak lama lagi.

"Saya percaya sedikit masa lagi kita dapat peruntukan untuk menggalakkan aktiviti pembinaan. Sehingga kini, kita belum mendapat satu ketetapan dari Kementerian Kewangan sama ada meminta melaksanakan projek baru.

"Bagaimanapun, berdasarkan peruntukan Belanjawan 2001 sebanyak RM3.4 bilion diperuntukkan Kementerian Kewangan, ia cukup bagi perbelanjaan projek," katanya selepas merasmikan Kursus Pemulihan Sikap Keluarga Termiskin kawasan Parlimen Sungai Siput di Dewan Majlis daerah Kuala Kangsar di sini, hari ini.

Beliau mengulas langkah kementerian membantu usaha kerajaan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu, Selasa lalu.

Usaha memapankan ekonomi negara daripada menghadapi kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, antara lain membabitkan pembinaan segera 200 sekolah, 193 kolej, empat universiti dan 6,600 rumah kediaman anggota tentera.

Kerajaan juga akan mengendalikan pelaksanaan projek prasarana dan kemudahan utama seperti Projek Empangan Hidro Elektrik Bakun, Projek Janakuasa Pulau Bunting, Kedah, Projek Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor dan Pelabuhan Barat, Klang.

Samy Vellu bagaimanapun berkata, pelaksanaan sebarang projek baru mungkin mengambil sedikit masa kerana membabitkan kelulusan kontrak.

"Sekarang di sektor pembinaan, kita mempunyai lebih RM16.5 bilion untuk lima tahun (Rancangan Malaysia Kelapan).

"Tiap-tiap tahun kita mempunyai banyak duit tetapi ada masalah menyegerakan pembinaan kerana kerja tidak boleh dilakukan jika kontrak belum diberikan kepada mana-mana pihak," katanya.

(END)